

UNIT 22: Menjanakan Ekonomi

• Tema 8: Ekonomi, Keusahawanan dan Pengurusan Kewangan

DSKP TATABAHASA

Buku Teks: m.s. 158

Lengkapkan teks dengan kata berimbuhan yang sesuai. DSKP: SP5.2.1 (i), (ii) & (iii)



Bijak Bahasa

Contoh lain bagi kata berimbuhan awalan: berkongsi; berniaga; berhubung; dijual; menjual; mencari; menolak; menempah; melihat; penumpang
 Contoh lain bagi kata berimbuhan apitan: menaik; melalui; mengadakan; memudahkan; meningkatkan; meletakkan; pengalaman; percutian; penerbangan; pendapatan
 Contoh lain bagi kata berimbuhan akhiran: talian; jualan; barangan; makanan; minuman; tempahan; ambilkan; belikan; gunakan; hasilkan; kumpulkan; tuliskan

Kata Berimbuhan Awalan, Akhiran, dan Apitan

jelaskan

menggunakan

pencuci

membeli

cucian

keistimewaan

merendam

pembayaran

Zurawati: Selamat sejahtera, Puan Norhaslinda. Saya Puan Zurawati.

Norhaslinda: Selamat sejahtera. Boleh saya bantu Puan Zurawati?

Zurawati: Saya terbaca iklan dalam Facebook tentang sabun (1) _____ yang puan jual. Apakah (2) _____ sabun pencuci itu? Bolehkah puan (3) _____?

Norhaslinda: Ya, saya memang ada menjual sabun pencuci yang puan maksudkan. Ada banyak keistimewaan sabun pencuci itu. Antaranya termasuklah (4) _____ puan akan menjadi lebih bersih walaupun dicuci (5) _____ seketul sabun yang kecil sahaja. Selain itu, sabun pencuci itu juga boleh digunakan untuk mencuci pinggan mangkuk. Kalau puan sibuk, puan boleh (6) _____ semua pinggan mangkuk di dalam besen dan masukkan sabun itu. Selepas beberapa minit, semua pinggan mangkuk itu akan bersih.

Zurawati: Wah, hebatnya! Bagaimanakah saya dapat (7) _____ sabun pencuci itu?

Norhaslinda: Mudah sahaja. Puan hanya perlu masukkan wang ke dalam akaun saya dan tunjukkan bukti (8) _____ melalui telegram saya. Akan saya pos sabun pencuci itu kepada puan dengan segeranya setelah bayaran itu disahkan. Terima kasih saya ucapkan kerana puan berminat untuk membeli sabun pencuci yang saya jual.

11 Zurawati: Sama-sama.